A

PP

lwn.

LAI WENG KEAT

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TAIPING
AHMAD NASFY YASIN PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO: PCT45-9-05]
4 FEBRUARI 2013

C ***KETERANGAN:*** *Anggapan - Akta Keterangan 1950, s. 114(a) - Pertuduhan membunuh - Sama ada inferens berbangkit bahawa semasa melakukan rompakan tertuduh melakukan pembunuhan - Sama ada rompakan dan pembunuhan berlaku dalam satu transaksi sama*

D ***KETERANGAN:*** *Kerelevanan - Fakta untuk menyokong fakta relevan - Tuduhan membunuh - Sama ada motif rompakan tertuduh relevan - Sama ada fakta bahawa tertuduh bergelut semasa ditangkap relevan - Sama ada fakta bahawa tertuduh enggan memberikan spesimen tandatangan relevan - Akta Keterangan 1950, s. 9*

E ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Perbicaraan - Kes separuh didengar - Hakim meletak jawatan - Tuduhan membunuh - 17 orang saksi pendakwaan telah memberi keterangan - Sama ada hakim baru betul dalam meneruskan perbicaraan tanpa mendengar de novo - Pembelaan menolak tawaran mahkamah untuk memanggil semula saksi - Hakim*
F *terdahulu tidak membuat penemuan mengenai "demeanour" - Kanun Tatacara Jenayah, s. 261*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan - Seksyen 302 - Bunuh - Elemen-elemen yang perlu dibuktikan di bawah s. 300(c) Kanun*
G *Keseksaan - Pendakwaan bergantung kepada keterangan ikut keadaan - Tiada saksi yang melihat pembunuhan - Beban yang ditanggung oleh pendakwaan - Sama ada motif rompakan tertuduh relevan - Sama ada inferens di bawah s. 114(a) Akta Keterangan 1950 berbangkit - Sama ada sampel darah tertuduh yang diperolehi tanpa izin tertuduh boleh*
H *diterima - Tertuduh bergelut semasa ditangkap - Tertuduh enggan memberikan specimen tandatangan - Sama ada kes pendakwaan dibuktikan tanpa keraguan munasabah*

I Orang kena tuduh ('OKT') telah dituduh dengan dua pertuduhan dibawah s. 302 Kanun Keseksaan ('KK') atas alasan bahawa dia telah membunuh dua orang bernama Wong Mun Kin dan Kong Poh Chooi. Menurut SP7, jiran si mati, pada lebih kurang jam 11.45 malam pada hari kejadian, SP7 mendengar suara seorang

perempuan menjerit beberapa kali mengatakan pencuri dari rumah tempat kejadian. ASP Hilmi (SP9) yang sampai ke tempat kejadian telah membuat intipan ke dalam rumah tersebut melalui tingkap dapur dan telah melihat seorang lelaki mundar mandir memegang beg berwarna gelap. SP9 dan anggotanya telah berjaya memasuki rumah tersebut dan mayat si mati lelaki telah dijumpai di tingkat bawah. Mayat si mati wanita pula dijumpai di tingkat satu. OKT telah dijumpai berada tidak jauh dari mayat si mati wanita dalam keadaan duduk bertinggung bersembunyi di sebelah "compressor aircond". OKT telah bertindak agresif dan melawan apabila hendak dipasangkan gari. SP9 telah merampas daripada OKT satu beg hitam yang didapati mengandungi, antara lain, wang, kad pengenalan, lesen memandu dan kad bank si mati, sehelai kertas putih yang mengandungi catatan nombor kenderaan, alamat rumah, catitan hari mulai Isnin hingga Ahad berserta ikut kiraan jam dan sarung tangan dengan kesan darah. OKT dalam pembelaannya menyatakan bahawa pada hari kejadian, semasa dia sedang berjoging, dia terdengar bunyi bising meminta tolong. Menurut OKT, dia telah nampak seseorang berlari keluar dari rumah si mati. OKT mengatakan bahawa dia telah masuk ke rumah itu dan menjumpai mayat si mati. Kes ini telah didengar di hadapan YA Pesuruhjaya Kehakiman terdahulu dengan seramai 17 orang saksi pendakwaan memberi keterangan. Apabila Pesuruhjaya Kehakiman tersebut meletak jawatan, hakim baru telah meneruskan perbicaraan menurut s. 261 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') dan telah hanya mendengar keterangan saksi terakhir pendakwaan iaitu SP18. Peguam OKT telah membangkitkan bantahan awal dan telah memohon supaya kes didengar *de novo*. Pihak pembelaan telah diberikan peluang untuk memanggil semula mana-mana saksi pendakwaan yang telah memberi keterangan tetapi peguam OKT telah menolak tawaran mahkamah tersebut.

Diputuskan (mensabitkan OKT dengan kedua-dua pertuduhan; memerintahkan OKT dihukum gantung sampai mati):

(1) Bantahan awal peguam OKT ditolak. Tidak terdapat sebarang catatan di bawah s. 271 KPJ yang dibuat oleh Pesuruhjaya Kehakiman terdahulu berhubung "demeanour" saksi-saksi yang memberikan keterangan. Justeru, persoalan "demeanour" saksi-saksi bukanlah menjadi faktor penting untuk menilai kredibiliti saksi-saksi dalam perbicaran ini. Pihak pendakwaan bergantung kepada keterangan ikut keadaan untuk membuktikan kesnya.

A Saksi-saksi utama terdiri daripada pegawai polis yang tidak mempunyai sebarang kepentingan di dalam kes ini. Maka, tiada soalan-soalan berhubung mencabar kredibiliti saksi-saksi tersebut. Oleh itu, persoalan "demeanour" langsung tidak berbangkit dan menjadi isu serta mempengaruhi keputusan kes. B (*PP v. Mohamed Azmin Ali;* dirujuk, *Ranjit Singh Jit Singh v. PP;* dirujuk). (perenggan 25)

(2) Pihak pendakwaan bergantung kepada peruntukan di bawah s. 300(c) KK ke atas OKT. Elemen-elemen yang perlu C dibuktikan di bawah s. 300(c) KK adalah: (i) si mati Wong Mun Kin dan si mati Kong Poh Chooi telah mati; (ii) si mati-si mati telah mati akibat kecederaan yang dialami; (iii) kecederaan tersebut dilakukan oleh OKT; (iv) kecederaan tersebut telah dilakukan dengan niat untuk menyebabkan D kecederaan tubuh kepada si mati; dan (v) kecederaan yang dialami itu cukup pada lazimnya untuk menyebabkan kematian. (perenggan 26 & 27)

(3) Pihak pendakwaan bergantung kepada keterangan ikut keadaan. Tiada saksi yang melihat siapakah yang menyebabkan E kematian kedua-dua si mati tersebut. Justeru, beban yang ditanggung oleh pihak pendakwaan adalah berat di mana pihak pendakwaan perlu menunjukkan bahawa apabila cebisan-cebisan keterangan yang ada dikumpulkan maka hanya satu kesimpulan yang dapat dibuat iaitu menunjukkan OKT yang F melakukan pembunuhan kedua-dua si mati. (*Dato' Mokhtar Hashim & Anor v. PP;* dirujuk, *PP v. Mohd Bandar Shah Nordin & Anor*; dirujuk). (perenggan 32)

(4) Walaupun motif pada umumnya bukanlah menjadi suatu G kesalahan jenayah dan bukanlah elemen yang wajib dibuktikan tetapi jika dapat dibuktikan maka ia boleh dijadikan keterangan sokongan kes pendakwaan. Dalam kes ini, OKT mempunyai motif untuk melakukan rompakan ke atas harta milik kedua-dua si mati. Berdasarkan keterangan, mahkamah membuat inferens H di bawah s. 114(a) Akta Keterangan 1950 ('AK50') di mana semasa melakukan rompakan tersebut, OKT telah melakukan pembunuhan ke atas kedua-dua si mati. Rompakan dan pembunuhan merupakan bahagian yang sama (integral part) dan berlaku dalam satu transaksi yang sama yang dilakukan I oleh OKT. (*Krishna Rao Gurumurthi & Anor v. PP*; dirujuk). (perenggan 34)

(5) Sampel darah OKT yang diperolehi tanpa izin OKT adalah "admissible" kerana ia "relevan" sebagai pelengkap penyiasatan tanpa memprejudiskan OKT. Justeru, ia diterima sebagai keterangan. Keterangan berkaitan DNA hanya berperanan sebagai keterangan sokongan. Dalam kes ini, jika tanpa keterangan DNA pun, keterangan yang ada sudah mencukupi untuk memanggil OKT membuat pembelaan. (perenggan 51)

(6) Pembelaan OKT hanyalah berbentuk penafian terhadap penglibatannya dalam pembunuhan ke atas kedua-dua si mati. OKT juga gagal menjelaskan "Conduct" menurut s. 9 AK50 berkaitan tindakannya enggan ditahan dan bergelut dengan SP9 dan anggota-anggota serbuan sehingga menyebabkan OKT mendapat kecederaan. Juga, OKT gagal menjelaskan berkaitan keengganannya memberi spesimen tulisannya untuk tujuan perbandingan dengan tulisan yang terdapat di atas kertas yang mempunyai catitan-catitan berkaitan si mati. Kegagalan menjelaskan "conduct" tersebut telah menghapuskan anggapan ketidakbersalahan OKT. (*Parlan Dadeh v. PP*; dirujuk). (perenggan 60 & 65)

(7) Pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah terhadap OKT dan selaras dengan s. 182A(1) KTJ. (perenggan 66)

Kes-kes yang dirujuk:

Abdul Hamid Udin v. PP [2000] 1 LNS 198 HC ***(dirujuk)***
Ajmir Singh [1987] 2 MLJ 141 ***(dirujuk)***
Attan Abdul Ghani v. PP [1969] 1 LNS 12 ***(dirujuk)***
Dato' Mokhtar Hashim & Anor v. PP [1983] 2 CLJ 10; [1983] CLJ (Rep) 101 FC ***(dirujuk)***
Hanafi Mat Hassan v. PP [2006] 3 CLJ 269 CA ***(diikuti)***
Herman Kong v. The Queen [1969] 1 AC 197 ***(dirujuk)***
Jeffrey v. Black [1978] 1 QB 490 ***(dirujuk)***
Kofri Mustafar v. PP [2010] 9 CLJ 519 CA ***(dirujuk)***
Krishna Rao Gurumurthi & Anor v. PP [2007] 4 CLJ 643 CA ***(dirujuk)***
Kuruma v. The Queen [1955] AC 197 ***(diikuti)***
Parlan Dadeh v. PP [2009] 1 CLJ 717 FC ***(dirujuk)***
PP v. Hanif Basree Abdul Rahman [2007] 2 CLJ 33 CA ***(dirujuk)***
PP v. Mohamed Azmin Ali [2009] 6 CLJ 340 HC ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Bandar Shah Nordin & Anor [2008] 4 CLJ 859 CA ***(dirujuk)***
Ranjit Singh Jit Singh v. PP [2012] 1 LNS 538 CA ***(dirujuk)***
Rattan v. The Queen [1972] AC 37 ***(dirujuk)***
Regina v. Fox [1986] 1 AC 281 ***(dirujuk)***
Regina v. Sang [1980] AC 402 ***(diikuti)***

A *Rusman Sulaiman v. PP [2012] 1 LNS 100 FC* ***(dirujuk)***
Sabarudin Non v. PP & Other Appeals [2005] 1 CLJ 466 CA ***(dirujuk)***
Trump [1980] 70 Cr App 300 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
B Criminal Procedure Code, ss. 112, 182A(1), 261, 271
Evidence Act 1950, ss. 6, 8, 9, 32(1)(i), 114(a)
Penal Code, ss. 300(c), 302

Bagi pihak pendakwaan - Hamdan Hamzah TPR
Bagi pihak tertuduh - Ranjit Singh; T/n Ranjit Singh Sandhu & Co

C *Dilaporkan oleh Amutha Suppayah*

PENGHAKIMAN

D **Ahmad Nasfy Jasin PK:**

Pendahuluan

[1] Orang kena tuduh (OKT), Lai Weng Keat telah dituduh
E dengan dua pertuduhan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan

[2] Pertuduhan-pertuduhan adalah seperti berikut:

F Pertuduhan Pertama:

Bahawa kamu pada di antara jam lebih kurang 9.30 malam 5 Julai 2005 hingga jam lebih kurang 12.40 pagi 6 Julai 2005, di dalam sebuah rumah kediaman di No. 49, Jalan 1, Taman Tasek Indah, Kamunting di dalam Daerah Larut Matang dan Selama di dalam
G Negeri Perak, telah melakukan satu pembunuhan dengan menyebabkan kematian kepada Wong Mun Kin, KP. No: 480123-10-5095. Dengan ini kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah Seksyen yang sama.

H Pertuduhan Kedua:

Bahawa kamu pada di antara jam lebih kurang 9.30 malam 5 Julai 2005 hingga jam lebih kurang 12.40 pagi 6 Julai 2005, di dalam sebuah rumah kediaman di No. 49, Jalan 1, Taman Tasek Indah, Kamunting di dalam Daerah Larut Matang dan Selama di dalam
I Negeri Perak, telah melakukan satu pembunuhan dengan menyebabkan kematian kepada Kong Poh Chooi, KP. No: 590410-08-5920. Dengan ini kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah Seksyen yang sama.

Kes Pendakwaan

[3] Pada 29 Jun 2005, SP8 Kpl. Surendran (anggota polis IPD Taiping) telah melakukan pemeriksaan ke atas OKT setelah mendapat maklumat lelaki yang mencurigakan berada di Lorong 29 Taman Tasik Indah, Taiping. Butir-butir lelaki itu yang dicamkan sebagai OKT telah dicatat (eks. P69) dan didapati OKT menunggang motosikal ACD 2146 jenis Honda C60 warna hitam OKT tinggal di alamat 657, Lorong 40, Aulong Taiping.

[4] Seterusnya pada hari kejadian iaitu 5 Julai 2005 lebih kurang jam 9.30 malam, SP7 melihat kereta Mercedez si mati dipandu masuk ke dalam kawasan rumah tempat kejadian.

Menurut SP7 yang merupakan jiran si mati yang tinggal di rumah tempat kejadian ialah kedua-dua si mati sahaja. Pada lebih kurang jam 11.45 malam SP7 mendengar suara perempuan menjerit beberapa kali mengatakan pencuri dan "thief" dari rumah tempat kejadian. SP7 pun bergegas keluar dari rumah dan pergi kehadapan rumah tersebut. SP7 mengambil masa dua minit untuk sampai di hadapan rumah itu. Setelah sampai SP7 mendapati tiada orang yang dilihat melarikan diri dari rumah tempat kejadian dan pada masa itu SP6 (pengawal keselamatan) telah sampai. SP7 terus mengarahkan SP6 untuk membuat kawalan di bahagian lorong belakang rumah si mati.

[5] Menurut SP6, beliau telah mendengar suara jeritan dari arah rumah tempat kejadian dalam jarak 100 meter. Lalu SP6 bergegas menunggang motosikal ke arah rumah tersebut. Apabila sampai, beliau bertemu dengan SP7. SP7 memintanya membuat kawalan di bahagian lorong belakang rumah tersebut. Semasa membuat kawalan di lorong tersebut bersama beberapa pengawal yang lain, SP6 telah melihat kelibat seseorang dari salah satu jerejak tembok (wall gap) di tingkat satu rumah itu. SP6 juga mengesahkan tiada sesiapa yang dilihat melarikan diri dari rumah tersebut.

[6] ASP Hilmi bin Ahmad (SP9) kemudian sampai ke tempat kejadian bersama-sama anggota serbuan yang lain lebih kurang jam 11.40 malam. SP9 telah mengarahkan SP6 dan Kpl. Hanafiah untuk membuat pemeriksaan di tepi bahagian belakang rumah tempat kejadian. SP6 mendapati semua tingkap dan pintu rumah tersebut dalam keadaan berkunci dari dalam dan memaklumkan kepada SP9. Manakala SP9 yang membuat intipan ke dalam rumah

A tersebut melalui tingkap dapur telah melihat seorang lelaki mundar mandir memegang beg berwarna gelap di tangan kirinya. Pada masa itu keadaan cahaya di tingkap bawah rumah itu adalah samar-samar dengan limpahan cahaya lampu dari tingkat atas.

B **[7]** Setelah mendapati semua tingkap dan pintu rumah tersebut berkunci dari dalam, SP9 pun mengambil keputusan untuk memasuki rumah tersebut dengan memecah tingkap tempat intipan dilakukan (rujuk gambar P68(2) dan P68(4). Kemudian SP9 membuka pintu utama untuk membolehkan anggota polis yang lain C masuk. Setelah semua masuk, SP9 menutup semula pintu itu.

[8] Pemeriksaan di tingkat bawah rumah tersebut dilakukan oleh SP9 bersama SP6 dan mendapati tiada sesiapa berada di situ tetapi mendapati mayat si mati lelaki dan kesan darah di tingkat bawah. SP9 seterusnya meminta SP6 dan Insp. Nor Azly D membuat lawatan di tingkat bawah dan SP9 bersama beberapa anggota polis yang lain telah naik ke tingkat satu rumah tersebut.

[9] Di tingkat satu, SP9 telah melakukan pemeriksaan ke atas semua bilik tetapi tidak menjumpai sesiapa. Seterusnya SP9 telah E menjalankan pemeriksaan di dalam bilik J dalam rajah kasar P&1 (A, B dan K). Di dalam bilik tersebut SP9 juga tidak menemui sesiapa. SP9 kemudiannya keluar ke bahagian balkoni bilik tersebut dan telah melihat mayat si mati wanita terbaring di tepi balkoni dalam keadaan berlumuran darah.

F

Seterusnya SP9 melihat OKT berada tidak jauh dari mayat si mati (lebih kurang 10 kaki) dalam keadaan duduk bertinggung bersembunyi di sebelah "compressor aircond". OKT kemudiannya terus bangun dan meminta SP9 dan anggota-anggotanya G menembak OKT. OKT juga tidak menghiraukan arahan SP9 yang memintanya jangan bergerak dan duduk. Seterusnya OKT bertindak agresif dan melawan apabila hendak dipasangkan gari. Hasil pemeriksaan yang dijalankan oleh SP9 ke atas OKT, telah merampas satu beg hitam jenama Reaction (eks. P24) yang H tersandar pada kaki kiri OKT.

[10] Pemeriksan lanjut ke atas beg hitam jenama Reaction tesebut, SP9 mendapati di dalamnya terdapat item-item berikut:

(a) Beg duit DKNY di dalamnya (eks. P17A):

I

(i) Wang tunai RM3 (eks. P17B);

(ii) Kad pengenalan dan lesen memandu atas nama Kong Poh Chooi (eks. P17C);

(iii) Tiga keping kad bank Citibank mastercard atas nama PC Kong, satu keping Citibank visa atas nama PC Kong, dua keping American Express atas nama PC Kong dan satu keping kad Public Bank Premium Club atas nama Patrick (eks. P17D hingga P17G);

(b) Telefon bimbit Samsung (eks. P17H);

(c) 1 kunci Mercedez (eks. P17J);

(d) Seutas rantai emas mempunyai kesan darah (eks. P27B);

(e) Sebilah pisau serba guna (eks. P28B);

(f) Serangkai empat anak kunci termasuk kunci motosikal Honda (eks. P17K);

(g) Satu beg duit jenama Crocodile (eks. P17M) yang di dalamnya mengandungi:

(i) Kad pengenalan Wong Mun Kin;

(ii) Kad American Express atas nama M K Wong (eks. P17O);

(iii) Kad keahlian Taiping New Club (eks. P17P);

(h) Satu sampul plastik warna merah jambu (eks. P17Q) yang mengandungi:

(i) Kad pengenalan OKT (eks. P17R);

(ii) Lesen memandu OKT (eks. P17S);

(iii) Satu helaian kertas putih yang mengandungi catatan nombor kenderaan, alamat rumah No. 49, Taman Indah, catitan hari mulai Monday hingga Sunday berserta ikut kiraan hours (eks. P18A dan P19A);

(iv) Wang tunai RM30 (eks. P17T);

(i) Satu sarung tangan ada kesan darah (eks. P25B);

(j) Satu kain diikat getah ada kesan darah (eks. P26B) dan

(k) Satu jam tangan jenama Quartz (eks. P17L).

[11] SP9 telah merampas sepasang sarung tangan getah warna biru yang telah dipotong di bahagian atas yang mempunyai kesan darah dipakai OKT di tangannya semasa ditangkap.

SP9 juga merampas sepasang sarung tangan getah warna putih ada kesan darah dipakai OKT di tangannya semasa ditangkap. Semasa ditangkap OKT memakai sepasang sarung tangan putih di bahagian dalam dan sepasang sarung tangan getah warna biru yang telah dipotong di sebelah luar. SP9 juga merampas baju, seluar dan kasut yang dipakai OKT semasa ditangkap. Semua barang kes yang dirampas telah dibuat penandaan oleh SP9 dan diserahkan kepada pegawai penyiasat SP13.

[12] Seterusnya pada jam 8.20 pagi 6 Julai 2005, SP9 telah melakukan pemeriksaan ke atas rumah No. 657, Lorong 40, Aulong, Taiping iaitu rumah OKT. Di rumah tersebut di dalam bilik No. 2 SP9 telah merampas:

(a) Baki bahagian atas sarung tangan getah warna biru jenama medium (eks. P8B dan P9B);

(b) Dua utas tali nylon berbentuk seperti tali pinggang saiz kecil warna hitam, merah kuning dan hijau (eks. P10B dan P11B).

[13] Baki bahagian atas sarung tangan adalah dipotong dari sarung tangan warna biru yang dirampas di tangan OKT semasa OKT ditangkap. Ahli kimia SP16 telah mengesahkannya seperti di dalam laporan kimia (eks. P85 ms 1 dan 2 "Envelope C1" dan "envelope C2").

[14] Dalam perjalanan pulang dari rumah OKT, SP9 telah merampas di hadapan sebuah kedai yang jaraknya lebih kurang 150 meter dari tempat kejadian perkara-perkara berikut:

(a) Motosikal Honda C70 No. ACD 2146 (eks. P66) yang kuncinya P17K dirampas dari dalam beg hitam jenama reaction (eks. P24) milik OKT;

(b) Topi keledar (eks. P15C);

(c) Kayu (eks. P20B);

(d) Kunci tambahan (eks. P21B).

[15] Pegawai penyiasat (SP13) dalam siasatannya telah cuba mendapatkan contoh tulisan tangan OKT untuk dibuat perbandingan dengan tulisan yang terdapat di dalam helaian kertas putih (eks. P19A) yang mengandungi catatan nombor kenderaan, alamat rumah No. 49, Taman Indah, catitan hari mulai Monday hingga Sunday berserta ikut kiraan hours yang dirampas oleh SP9. Walau bagaimanapun OKT enggan bekerjasama untuk memberikan spesimen tulisan beliau.

[16] Siasatan lanjut oleh SP13 di rumah tempat kejadian mendapati tingkat bawah bahagian belakang rumah tersebut adalah lebih tinggi daripada lorong belakang dengan dipisahkan satu tembok berketinggian 1 meter dari arah atas tanah tingkat bawah. Bumbung tembok di lorong belakang ketinggiannya 4.3 meter (13 kaki lebih) ke aras tanah lorong belakang. Ketinggian verandah belakang ke atas tanah lorong belakang adalah 7.8 meter. Siasatan SP13 juga mendapati pintu bilik tidur masuk ke verandah di mana mayat si mati wanita ditemui dan OKT ditangkap, kayu sisi pada bahagian kunci pintu didapati rosak atau terkopak (gambar P3B,C). Kerosakan ini masih baru. Seterusnya terdapat juga kesan pecah pada "door stopper" yang juga kelihatan masih baru. Menurut SP13 kerosakan ini adalah konsisten dengan pintu bilik ditendang dengan kuat menyebabkan stopper pecah dan kayu bahagian kunci terkopak.

[17] SP13 juga telah mencuba kunci Mercedez (eks. P17J) yang dirampas oleh SP9 di dalam beg P24 dan mendapati kunci itu boleh menghidupkan enjin kereta Mercedez WEL 9451 kepunyaan si mati perempuan.

[18] Percakapan bapa OKT iaitu Lai Ah Onn yang dirakam di bawah s. 112 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) pada 11 Julai 2005 telah dikemukakan melalui SP13 di bawah s. 32(1)(i) Akta Keterangan kerana bapa OKT telah meninggal dunia pada 2 November 2011 (eks. P93).

[19] Hasil siasatan SP13 tidak menjumpai cap jari orang lain di rumah tempat kejadian selain kedua-dua si mati dan OKT sahaja.

[20] Menurut Dato' Dr. Bhupinder Singh, Pakar Perunding Forensik (Kanan) (SP17) Hospital Pulau Pinang, sebab-sebab kematian si mati lelaki Wong Mun Kin ialah "Asphyia due to pressure on the neck. It was due to injury to the neck …" SP17

turut menyatakan "... there is a defence and this could have resulted from blunt pressure being applied over the region using a blunt object such as the use of "hands" or some cloth which could be round the neck and pressure were applied resulting in fracture of right corner of the thyroid contilago – caused instantaneous death to the victim as in the case death could happen in a few minutes". Laporan post mortem si mati dikemukakan sebagai P89.

[21] Manakala bagi si mati wanita Khong Poh Chooi, SP17 menyatakan antaranya "... Injuries to the front of the neck region measuring 21 stab wounds covering on area 10cm x 8.5 cm penetrating into the neck – largest measuring 1.9 x 0.5 cm and smallest 0.6 x 0.5cm caused of the injury due to sharp pointed/ object instrument example like a hand knife, letter opener etc ... injuries number 9 and 11 itself in ordinary nature can cause death ..."

[22] SP18 En. Lim Kong Boon, ahli kimia telah menjalankan ujian DNA profiling ke atas ekshibit-ekshibit yang dirampas oleh SP9, SP12 dan SP13 dan menyediakan laporan DNA eks. P87 yang menyatakan seperti berikut:

(a) Sarung tangan berwarna biru yang dipakai oleh OKT yang ditandakan B5 (eks. P29B) mengandungi DNA Wong Mun Kin dan sarung tangan yang ditanda B6 (eks. P29C) mengandungi DNA yang bercampur iaitu Wong Mun Kun dan Kong Poh Chooi.

(b) Kasut yang dipakai OKT bertanda B10 (eks. P33A) mengandungi DNA profiling Wong Mun Kin manakala sebelah lagi kasut yang dipakai oleh OKT ditanda B9 mengandungi profil DNA yang bercampur iaitu Wong Mun Kin, Kang Poh Chooi dan OKT sendiri;

(c) Pisau yang dirampas dari beg hitam milik OKT yang telah ditunjukkan kepada SP17 bertanda B2 (eks. P28B) mengandungi profile DNA Wong Mun Kin di bahagian matanya. Manakala di bahagian pemegang pisau itu mengandungi DNA profile bercampur Kong Poh Choi sebagai penyumbang utama Wong Mun Kin dan OKT sebagai penyumbang lain. Menurut SP18, DNA yang wujud pada pisau tidak hanya berpunca dari darah tetapi boleh wujud di bawah darah yang terdapat pada pisau itu.

Bantahan Awal

[23] Kes ini telah didengar di hadapan YA Pesuruhjaya Kehakiman terdahulu dengan seramai 17 orang saksi pendakwaan memberi keterangan. Apabila YA Pesuruhjaya Kehakiman tersebut meletak jawatan, saya diarah meneruskan perbicaraan menurut s. 261 KTJ dan hanya mendengar keterangan saksi terakhir pendakwaan iaitu SP18.

[24] Berdasarkan alasan di atas, peguambela yang terpelajar telah memohon supaya kes ini didengar *de novo*. Ini kerana hakim baru tidak dapat menilai kredibiliti dan demeanour saksi-saksi pihak pendakwaan. Permohonan peguambela terpelajar telah dibantah oleh Timbalan Pendakwa Raya terpelajar dan memohon membuat hujahan lisan. Dalam masa yang sama pihak pembelaan diberikan peluang untuk memanggil semula mana-mana saksi pendakwaan yang telah memberi keterangan. Walau bagaimanapun peguambela OKT menolak tawaran mahkamah tersebut.

[25] Setelah mendengar hujahan lisan oleh kedua-dua pihak, saya memutuskan menolak bantahan awal peguambela OKT dan meneruskan perbicaraan kes ini atas alasan-alasan berikut:

(i) Dalam kes ini tidak terdapat sebarang catatan di bawah s. 271 KTJ yang dibuat oleh Yang Arif Tuan Pesuruhjaya Kehakiman terdahulu berhubung "demeanour" saksi-saksi yang memberikan keterangan. Justeru, satu kesimpulan yang adil dan munasabah dapat dibuat bahawa persoalan "demeanour" saksi-saksi bukanlah menjadi faktor penting untuk menilai kredibiliti saksi-saksi dalam perbicaran ini (rujuk kes *PP v. Muhamad Azmin bin Ali* [2009] 6 CLJ 340, *Ranjit Singh Jit Singh v. PP* [2012] 1 LNS 538).

Dalam kes *Abdul Hamid Udin v. Public Prosecutor* [2000] 1 LNS 198; [2000] MLJ 334 di ms 342 mahkamah menyatakan bahawa:

> Where a judge recording the evidence had not found it necessary to record the demeanour of a witness as so provided, then it is fair and reasonable to conclude that the trial judge did not view that demeanour in court of that witness is a very important factor in assessing his credibility in such a case, the recorded evidence is an adequate presentation of his evidence. Of course a trial judge may

A consider demeanour in his decision even though he had not seen it necessary to record his impressions of the demeanour under s. 271, such demeanour cannot be as influential as demeanour he has seen fit to record.

(i) Dalam kes ini, pihak pendakwaan bergantung kepada
B keterangan ikut keadaan untuk membuktikan kesnya. Saksi-saksi utama terdiri daripada pegawai polis SP9, SP6 dan SP13 yang tidak mempunyai sebarang kepentingan di dalam kes ini. Tiada soalan-soalan berhubung mencabar "credibility" saksi-saksi tersebut. Oleh itu persoalan "demeanour" langsung tidak
C berbangkit dan menjadi isu serta mempengaruhi keputusan kes.

Elemen-Elemen

[26] Pihak pendakwaan bergantung kepada peruntukan di bawah
D s. 300(c) Kanun Keseksaan ke atas OKT. Seksyen 300(c) Kanun Keseksaan menyatakan:

> Except in the cases herein after excepted, culpable homicide is murder if it is done with the intention of causing bodily injury to any person, and the bodily injury intended to be inflicted is
E sufficient in the ordinary of nature to cause death.

Illustrasi (c) di bawah s. 300(c) Kanun Keseksaan menyatakan:

> A intentionally gives Z a second cut or club-wound sufficient to cause the death of a man in the ordinary course of nature Z dies
F in the consequence. Here A is guilty of murder, although he may not have intended to cause Z's death.

(rujuk kes *PP v. Visunanthan* [1978] 1 MLJ 159)

[27] Elemen-elemen yang perlu dibuktikan di bawah s. 300(c)
G Kanun Keseksaan adalah seperti berikut:

(i) Si mati Wong Mun Kin dan si mati Kong Poh Chooi telah mati;

H (ii) Si mati-si mati telah mati akibat kecederaan yang dialami;

(iii) Kecederaan tersebut dilakukan oleh orang kena tuduh;

(iv) Kecederaan tersebut telah dilakukan dengan niat untuk menyebabkan kecederaan tubuh kepada si mati;

I

(v) Kecederaan yang dialami itu cukup pada lazimnya untuk menyebabkan kematian.

Wong Mun Kin (si mati lelaki) dan Kong Poh Chooi (si mati wanita) telah mati.

[28] Adalah tidak dipertikaikan bahawa Wong Mun Kin dan Kong Poh Chooi telah meninggal dunia. Kedua-dua mayat si mati telah dicamkan oleh saudara mereka bernama Kong Chew Leong, ASP Seah (SP13) dan jurugambar Kpl. Kasim bin Baharum (SP1) semasa menghadiri post mortem yang dijalankan oleh Dato' Dr. Bhupinder Singh, Consultant Forensic Pathologist (SP17) sepertimana gambar P1 (A-M) dan sebab kematian seperti yang dinyatakan dalam laporan post mortem eks. P89 dan P90. Mayat si mati-si mati juga telah dicamkan oleh Mok Choy Leng, anak saudara kedua-dua si mati melalui gambar-gambar P1 (P & Q) dan P2(L). Justeru pihak pendakwaan telah membuktikan kematian dua orang manusia seperti definisi "death" di bawah s. 46 Kanun Keseksaan.

Si Mati-Si Mati Telah Mati Akibat Kecederaan Yang Dialami

[29] Elemen ini penting untuk menunjukkan bahawa kematian si mati-si mati bukan atas sebab-sebab lain selain daripada kecederaan yang dialami. Elemen ini mempunyai hubung kait dengan elemen niat untuk menyebabkan kecederaan tubuh ke atas si mati-si mati. Dato' Dr. Bhupinder Singh (SP17) dalam keterangannya mengatakan sebab kematian si mati (Wong Mun Kin) ialah "Asphyxia due to pressure on the neck. It was due to injury to the neck …"

SP17 turut menyatakan "… These is a difuse and this could have resulted from blunt pressure being supplied over that region using a blunt object such as the use of "hands", or some cloth which could be round the neck and pressure were applied – from towel and the hands. When extensive pressure were applied resulting on fracture of right corner of the thyroid contilago – caused instantaneous death to the victim as in this case death could happen in a few minutes" (laporan post mortem eks. P89).

Manakala sebab kematian si mati Kong Poh Chooi, SP17 menyatakan:

> … injuries to the front of the neck region measuring 21 stab wounds covering an area 10cm x 8.5cm penetrating into the neck – largest measuring 1.9 x 0.5 cm and smallest 0.6 x 0.5 cm.

A Caused of the injury due to sharp pointed/object instrument example like a hand knife, letter opener etc … injury number 9 and 11 itself in ordinary nature can cause death …

[30] Saya berpuashati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kecederaan si mati-si mati menjadi sebab langsung kematian mereka dan tiada penyakit lain yang menyumbang kepada kematian tersebut. Keterangan SP17 yang tidak dicabar menunjukkan tiada pemutusan rantaian atau intervention dari faktor lain yang menyumbang kepada kematian si mati-si mati.

Kecederaan Tersebut Telah Dilakukan Oleh OKT

[31] Pada pandangan saya, elemen yang penting yang perlu diteliti dan dianalisa ialah sama ada OKT adalah orang yang menyebabkan kecederaan-kecederaan tersebut dengan mengambil kira persediaan yang dibuat oleh OKT, kelakuan OKT sebelum melakukan kecederaan-kecederaan tersebut, jenis senjata yang digunakan, tempat di mana kecederaan dilakukan iaitu sama ada di tempat vital manusia atau sebaliknya dan akhir sekali cara bagaimana kecederaan tersebut dilakukan.

[32] Dalam kes ini, pihak pendakwaan bergantung kepada keterangan ikut keadaan di mana tiada keterangan secara terus berhubung siapakah yang melakukan pembunuhan ke atas kedua-dua si mati dan tiada saksi yang melihat siapakah yang menyebabkan kematian kedua-dua si mati tersebut. Justeru beban yang ditanggung oleh pihak pendakwaan adalah berat di mana pihak pendakwaan perlu menunjukkan bahawa apabila cebisan-cebisan keterangan yang ada dikumpulkan maka hanya satu kesimpulan yang dapat dibuat iaitu menunjukkan OKT yang melakukan pembunuhan kepada kedua-dua si mati (rujuk kes *Dato' Mokhtar Hashim & Anor v. Public Prosecutor* [1983] 2 CLJ 10; [1983] CLJ (Rep) 101, *PP v. Mohd Bandar Shah Nordin & Anor* [2008] 4 CLJ 859).

[33] Secara ringkas, saya merumuskan bahawa keterangan yang perlu dipertimbangkan adalah seperti berikut:

(i) Motif;

(ii) Apakah pembunuhan kedua-dua si mati dan rompakan adalah dalam satu transaksi;

(iii) Persediaan (isu sarung tangan, tali berwarna warni, melawat tempat ditemuramah oleh Kpl. Surin, nota alamat, nombor kereta dan lain-lain);

(iii) Keterangan di bawah s. 8 Akta Keterangan 1950;

(iv) Keterangan berkaitan kesan darah dan DNA profiling;

(v) Keterangan SP17 iaitu pisau P28B sesuai digunakan untuk menyebabkan 21 tikaman terhadap si mati wanita dalam milik OKT;

(vi) Keterangan pakar Pathology Forensic;

(vii) Apakah ada kemungkinan yang munasabah wujud orang lain selain OKT yang menyebabkan kematian kedua-dua si mati;

(viii) Senjata yang digunakan untuk membunuh dalam milikan OKT;

(ix) Keengganan OKT memberikan spesimen tulisan tangan;

(x) Tiada kesan DNA orang lain yang tidak dikenali;

(xi) Semasa ditangkap OKT berada di dalam rumah tempat kejadian dan semua tingkap dan pintu rumah tempat kejadian berkunci dari dalam.

Motif

[34] Walaupun motif pada umumnya bukanlah menjadi suatu kesalahan jenayah dan bukanlah elemen yang wajib dibuktikan tetapi jika dapat dibuktikan maka ia boleh dijadikan keterangan sokongan kes pendakwaan (rujuk kes *Dato' Mokhtar Hashim & Anor v. Public Prosecutor (supra)*. Saya berpendapat, dalam kes ini OKT mempunyai motif untuk melakukan rompakan ke atas harta milik kedua-dua si mati. Motif OKT melakukan rompakan telah disahkan oleh rampasan yang dibuat oleh ASP Hilmi (SP9) ke atas beg hitam (P24) dalam milikan OKT mengandungi wallet kedua-dua si mati (P17A dan P17M), kad-kad kredit, kad-kad bank (P17D, E, F, G, O dan P), wang tunai (P17B dan P17N), kunci kereta Mercedez atas nama si mati wanita (P17J), kad pengenalan dan lesen memandu si mati wanita (P17C) dan jam tangan Quartz (P17L). Berdasarkan keterangan ini, saya membuat satu inferens di bawah s. 114(a) Akta Keterangan 1950 di mana semasa melakukan rompakan tersebut OKT telah melakukan pembunuhan ke atas kedua-dua si mati. Justeru, rompakan dan pembunuhan adalah

merupakan bahagian yang sama (integral part) dan berlaku dalam satu transaksi yang sama yang dilakukan oleh OKT. (Rujuk kes *Krishna Rao Gurumurthi & Anor v. PP* [2007] 4 CLJ 643).

[35] Pendapat saya ini adalah konsisten dengan keterangan pakar patologi forensik (SP17) dan laporan post mortem (P89) bahawa terdapat kecederaan yang serius di bahagian kepala si mati lelaki akibat dari kesan hentakan yang kuat. Ini menunjukkan terdapat pergelutan antara OKT dan si mati lelaki di bahagian ruang rehat tingkat bawah rumah tempat kejadian seperti ditandakan "g" di dalam rajah kasar (P71(a)) di mana kerusi meja terbalik dan darah si mati lelaki di merata-rata tempat di atas lantai ruang rehat itu. Si mati lelaki kemudiannya diheret melalui bilik air dan ruang tamu hingga sampai di tempat si mati ditemui. Kesan darah si mati lelaki dapat dilihat dari rajah kasar (P71(a)). Akhirnya si mati lelaki mati akibat lemas disebabkan tekanan yang kuat pada bahagian leher beliau.

[36] Manakala dari keterangan SP6 dan SP7 pula, sejurus mendengar si mati wanita menjerit mengatakan "pencuri! theif!" mereka bergegas pergi ke hadapan rumah tempat kejadian. Jeritan si mati wanita didengar berulangkali oleh SP7. Pada pendapat saya, jeritan si mati wanita adalah "admissible" di bawah s. 6 Akta Keterangan 1950 *(res gestae)* (rujuk kes *Rattan v. The Queen* [1972] AC 378). Si mati wanita kemudiannya ditemui mati oleh SP9 akibat tikaman bertubi-tubi (21 tikaman) di bahagian leher dan dada tidak lama selepas SP7 mendengar suaranya menjerit "Pencuri" dari rumah tempat kejadian. Pada masa yang sama OKT juga ditangkap tidak jauh dari mayat si mati wanita bersama-sama beg hitam (P24) yang mengandungi harta milik si mati lelaki dan wanita. Kecederaan si mati wanita disahkan oleh SP17 akibat tikaman senjata "pen knife" yang dijumpai dalam milik OKT.

Perancangan Dan Persediaan

[37] Pada pendapat saya, OKT telah melakukan perancangan dan persediaan yang rapi sebelum melakukan rompakan ke atas kedua-dua si mati (tiada kesan pecah pintu). Ketika OKT ditangkap di dalam beg hitam P24 yang dimiliki OKT terdapat plastik merah jambu (P17Q) yang mengandungi kad pengenalan OKT (P17R), lesen memandu atas nama OKT (P17S), 2 helai kertas putih (P18A dan P19A) yang tercatat alamat tempat kejadian, alamat tempat kerja si mati wanita, nombor kereta si mati WEL 9451, waktu kerja si mati wanita dan lain-lain maklumat lagi.

[38] Seterusnya kehadiran OKT di kawasan kejiranan seminggu sebelum pembunuhan berlaku telah disahkan oleh Kpl. Surendran (SP8). Manakala SP8 telah membuat catatan berhubung kehadiran OKT di kawasan tersebut dalam buku catitan beliau (eks. P69). Kemudian cara OKT berpakaian semasa SP8 menemuramahnya dan mengambil butir-butirnya dibandingkan dengan cara OKT berpakaian semasa ditangkap adalah hampir sama.

[39] Menurut keterangan SP9, OKT memakai dua lapisan sarung tangan getah warna biru sebelah luar (eks. P29B dan C) dan sarung getah warna putih di sebelah dalam (eks. P29D dan E) semasa ditangkap. Semasa pemeriksaan dijalankan di rumah OKT keesokan harinya, SP9 telah merampas bahagian atas sarung tangan biru (eks. P8B dan P9B) dan 2 utas tali yang mengandungi warna hitam, merah, kuning dan hijau. (eks. P10B dan P11B). Ahli kimia En. Tan Han Hooi (SP16) telah mengesahkan bahawa keratan sarung tangan P8B dan P9B adalah merupakan sebahagian sarung tangan biru yang dipakai oleh OKT iaitu eks. P29D dan E. Manakala dua utas tali P10B dan P11B pula mempunyai warna, saiz dan corak yang sama dengan tali yang digunakan untuk mengikat tangan dan kaki si mati lelaki (eks. P50B dan P51B) dan tali yang digunakan untuk mengikat tangan dan kaki si mati wanita (eks. P62B dan P63B).

[40] Pada pendapat saya, berdasarkan keterangan tentang wujudnya cebisan sarung tangan yang dipakai OKT dijumpai di rumah OKT dan tali yang sama warna, saiz, serta corak yang turut juga dirampas di rumah OKT, maka dapatlah dibuat suatu inferens yang positif bahawa OKT telah membuat perancangan dan persediaan yang rapi sebelum melakukan rompakan ke atas harta milik kedua-dua si mati.

Keterangan Di Bawah S. 8 Akta Keterangan 1950

[41] Semasa OKT hendak ditangkap oleh SP9 telah berlaku satu pergelutan sehingga OKT mendapat kecederaan seperti di dalam laporan perubatan D91. Seterusnya OKT enggan memberikan spesimen tulisan tangan beliau apabila diminta oleh pegawai penyiasat, SP13 untuk tujuan perbandingan dengan tulisan yang terdapat di atas kertas P18A dan P19A yang mempunyai catitan-catitan berkaitan si mati wanita dan lelaki.

[42] Pada pendapat saya, perbuatan OKT bergelut dengan SP9 adalah "admissible" sebagai keterangan sokongan di bawah s. 8 Akta Keterangan untuk menunjukkan OKT enggan ditahan setelah melakukan pembunuhan ke atas kedua-dua si mati. Manakala keengganan OKT memberikan spesimen tulisannya memberikan petunjuk bahawa OKT adalah orang yang menulis P18A dan P19A.

Sama Ada Wujud Suatu Kemungkinan Yang Munasabah Bahawa Orang Lain Selain OKT Yang Menyebabkan Kematian Kedua-dua Si Mati

[43] Seminggu sebelum kejadian OKT berseorangan telah disoal oleh SP8. Ketika itu OKT menunggang motosikal (eks. P66) dan helmet (eks. P15C) yang sama yang dirampas oleh SP9.

Serpihan sarung tangan yang dirampas di rumah OKT hanya sepasang dan berpadanan dengan sarung tangan yang dipakai OKT. Tidak ada sarung tangan lain yang ditinggalkan oleh orang lain di tempat kejadian dan hanya OKT yang ditangkap di dalam rumah tempat kejadian.

[44] Semasa OKT ditangkap di dalam rumah tempat kejadian, semua pintu serta tingkap di tingkat bawah berkunci dari dalam dengan menggunakan kunci yang hanya boleh dibuka dari dalam. Manakala ketinggian bumbung dan tembok pagar belakang rumah ke aras tanah lorong belakang ialah 4.3 meter (13 kaki lebih), ketinggian tembok ke atas tanah dalam kawasan rumah lebih kurang 1 meter dan ketinggian beranda belakang ke atas tanah lorong belakang adalah 7.8 meter. Dari itu ketinggian tingkat satu rumah ke atas tanah di halaman rumah ialah 3-5 meter (10 kaki lebih). Jika seseorang melompat dari atas rumah akan mengalami kecederaan.

[45] Saksi SP6 dan SP7 adalah orang yang terawal sampai di tempat kejadian tidak melihat sesiapa pun melarikan diri. Tambahan pula SP6 telah berkawal di lorong belakang rumah tempat kejadian sepanjang masa.

[46] SP17, pakar pathology forensik mengesahkan seorang boleh melakukan pembunuhan seperti di dalam kes ini. Lebih menguatkan pendapat SP17, pisau yang digunakan untuk membunuh si mati wanita (eks. P28B) berada dalam milik OKT.

[47] Pada pendapat saya, pembelaan yang cuba diketengahkan oleh OKT ialah semasa OKT sedang berjoging telah mendengar jeritan dari dalam rumah dan OKT nampak dua orang melarikan diri keluar dari rumah dan OKT pun masuk ke dalam rumah tersebut untuk memberi pertolongan dan OKT mengunci pintu rumah demi keselamatan dirinya dan lain-lain penghuni rumah itu adalah satu cubaan pembelaan yang "inherently improbable" (rujuk kes *Rusman Sulaiman v. PP* [2012] 1 LNS 100.

[48] Dalam kes ini, peguambela terpelajar telah membangkitkan isu mengenai kegagalan SP13 memperolehi kebenaran bertulis daripada OKT untuk mendapatkan sampel darah dari OKT. Pihak pembelaan telah mencabar akan kebolehpercayaan SP13 yang pada awalnya tidak ingat sama ada beliau ada mendapatkan kebenaran, kemudian SP13 berkata ada dapatkan kebenaran dari OKT. Dengan itu menghujahkan bahawa s. 114(g) Akta Keterangan terpakai atas kegagalan memanggil doktor untuk tujuan mengesahkan fakta yang dicabar tersebut dan seterusnya menyeru mahkamah menolak keterangan sampel darah yang diambil dari OKT (rujuk kes *Hanafi bin Mat Hassan v. PP* [2006] 3 CLJ 269).

[49] Prinsip berkenaan penerimaan masuk keterangan yang diperolehi secara tidak sah atau "illegal" digariskan dalam kes *Kuruma v. The Queen* [1955] AC 197 dan *Regina v. Sang* [1980] AC 402.

Dalam kes *Kuruma v. The Queen (supra)* Privy Council memutuskan:

> If the evidence is admissible, the court is not concerned with how it was obtained.

Seterusnya dalam kes *Regina v. Sang (supra)* House of Lord memutuskan:

> that a judge in a criminal trial always had discretion to refuse to admit evidence if, in his opinion, its prejudicial effect outweighed its probative value or when the admissibility of evidence was obtained unfairly from the accused.

And it says;

> save with regard to admissions and confessions and generally with regard to evidence obtained from the accused after commission of the offence, the judge had no discretion to refuse to admit relevant admissible evidence on the ground that it was obtained by improper or unfair means.

[50] Prinsip yang digariskan dalam kes *Kuruma v. The Queen* dan *R v. Sang* telah digunapakai oleh mahkamah-mahkamah seluruh Commonwealth termasuk Mahkamah Malaysia dan Singapura.

Dalam kes *Hanafi bin Mat Hassan v. PP (supra)*, Mahkamah Rayuan di ms 136 menyatakan:

> The court has no discretion to refuse to admit evidence on the ground that it was illegally obtained if it is relevant. Therefore the evidence relating to the blood sample taken from the accused was admissible as it was relavant even if it was taken without his consent.

[51] Berdasarkan nas-nas kes di atas, mahkamah memutuskan bahawa sampel darah OKT yang diperolehi tanpa izin OKT adalah "admissible" kerana ia adalah "relevan" sebagai pelengkap penyiasatan tanpa memprejudiskan OKT. Justeru ianya diterima sebagai keterangan. Saya berpendapat, keterangan berkaitan DNA hanyalah berperanan sebagai keterangan sokongan. Dalam kes ini, jika tanpa keterangan DNA pun, keterangan yang ada sudah mencukupi untuk memanggil OKT membuat pembelaan. (Kes-kes lain yang dirujuk ialah *Jeffrey v. Black* [1978] 1 QB 490, *Trump* [1980] 70 Cr App 300, *Herman Kong v. The Queen* [1969] 1 AC 197, *Ajmir Singh* [1987] 2 MLJ 141 dan *Regina v. Fox* [1986] 1 AC 281).

Keputusan Di Akhir Kes Pendakwaan

[52] Sebagai kesimpulan, semua keterangan yang telah dikemukakan menunjukkan bahawa hanya OKT sahajalah yang melakukan rompakan ke atas harta milik kedua-dua si mati dan semasa melakukan rompakan tersebut OKT telah melakukan pembunuhan ke atas kedua-dua si mati. Justeru, saya berpuas hati di atas penilaian yang maksima bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap dua pertuduhan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan yang dihadapkan kepada OKT dan OKT dipanggil membuat pembelaan.

Kes Pembelaan

[53] Setelah diterangkan tiga pilihan OKT memilih memberi keterangan bersumpah.

[54] Pada 5 Julai 2005, ketika sedang berjoging di Taman Lake View, OKT terdengar bunyi bising meminta tolong. Pada masa itu hari sudah gelap tetapi tidak tahu pukul berapa. Kemudian OKT terus ke tempat itu untuk melihat apa yang berlaku.

[55] Sebelum sampai ke tempat itu, OKT nampak seseorang lari keluar dari rumah itu. OKT dapati pintu rumah itu tidak berkunci lalu beliau masuk ke dalam rumah itu. OKT nampak seorang terbaring di atas lantai berlumuran darah. OKT pun memeriksa sama ada terdapat lagi orang dalam rumah itu. Oleh kerana takut ada orang dalam rumah dan luar rumah OKT pun mengunci pintu rumah itu.

[56] Selepas kunci pintu rumah, OKT pergi memeriksa orang yang terbaring berlumuran darah tadi sama ada masih bernyawa. Kemudian OKT naik ke atas untuk tengok sama ada ada orang lagi dalam rumah itu, OKT nampak semua pintu bilik di tingkat atas terbuka kecuali satu pintu bilik tertutup.

[57] OKT cuba membuka pintu bilik yang tertutup itu tetapi tidak dapat dibuka. OKT cuba membuka pintu tersebut kerana nampak ada seorang lelaki di verandah. OKT tiada cara lain melainkan menendang pintu tersebut dan pergi ke verandah. OKT nampak seorang lagi terbaring di situ dengan berlumuran darah. Ketika bergerak ke tepi verandah OKT nampak seseorang melompat ke bawah melalui tiang lampu. Kemudian OKT pergi kepada orang yang terbaring tersebut untuk memeriksa sama ada ia masih bernyawa. Ketika itu OKT terdengar bunyi di tingkat bawah ada orang menendang pintu. OKT takut hendak turun kerana bimbang dicederakan mereka. Beberapa orang menyerbu naik ke atas dan menyuruhnya menyerah diri dan nampak seorang memegang pistol menghala ke arahnya. OKT menggunakan jari menunjuk ke belakang dan menyuruh orang yang memegang pistol menembak ke belakang sebagai memberi amaran kepada orang yang telah lari ke belakang rumah itu tetapi mereka semua datang meluru ke arah OKT, menekan OKT dan menggarinya.

[58] Selepas tangannya digari, mereka mengambil sehelai tuala menutup kepala OKT. Mereka ada memeriksa badan OKT dan mengambil sesuatu dari dalam poket seluar OKT tetapi tidak tahu apa yang diambil. Dalam poket seluarnya terdapat satu plastik berisi kad pengenalan, lesen memandu dan wang tunai dan satu kunci motosikal kepunyaan OKT. OKT mengatakan tidak pada bila-bila masa menyuruh polis menembaknya.

A **Keputusan Di Akhir Kes Pembelaan**

[59] Adalah menjadi tugas mahkamah di peringkat ini untuk membuat satu ujian di antara keterangan *prima facie* pihak pendakwaan dengan keterangan-keterangan pembelaan sekarang ini. Secara spesifik, di peringkat pembelaan, beban adalah di bahu pihak pembelaan untuk membawa keterangan atau keterangan pihak pembelaan mestilah mampu menyangkal keterangan *prima facie* pihak pendakwaan (rujuk kes *Kofri Mustafar v. PP* [2010] 9 CLJ 519).

[60] Setelah membuat penganalisaan ke atas keterangan pembelaan, saya merumuskan bahawa pembelaan OKT hanyalah berbentuk penafian terhadap penglibatannya dalam pembunuhan ke atas kedua-dua si mati.

[61] Bagi menyokong kes pembelaan, peguambela terpelajar berhujah bahawa pembunuhan ini dilakukan oleh lebih daripada seorang berdasarkan keterangan SP17 di ms 203 nota keterangan iaitu:

> Looking at the patent of killing, photos where the body was found, the tiring up of the individual, I would suggest there were one or more preparators involved here.

[62] Saya tidak dapat bersetuju dengan hujahan peguambela terpelajar kerana SP17 dimuka surat yang sama telah menjelaskan seperti berikut:

> Looking at all positions of the case through photos, I don't agree that there were two or more person involved here. I only say just now of possibility involving one plus one person.

[63] Pada pendapat saya keterangan SP6 dan SP7 yang merupakan saksi pertama sampai di rumah tempat kejadian sebaik sahaja mendengar jeritan si mati wanita bukanlah satu keterangan yang direka-reka atau kebetulan. Sebaliknya keterangan mereka secara total telah membentuk dan mengukuhkan kredibiliti keterangan mereka berkenaan apa yang mereka lihat. Justeru adalah diputuskan bahawa SP6 dan SP7 merupakan saksi-saksi yang kredible (rujuk kes *Attan Abdul Ghani v. PP* [1969] 1 LNS 21; [1970] 2 MLJ 143, *Sabarudin Non v. PP & Other Appeals* [2005] 1 CLJ 466).

[64] Keterangan SP6 dan SP7 juga telah disokong oleh hasil siasatan SP13 di mana tidak menjumpai cap jari orang lain di rumah tempat kejadian selain kedua-dua si mati dan OKT sahaja. Oleh itu saya membuat suatu penemuan fakta bahawa hanya OKT sahaja berada di dalam rumah tempat kejadian semasa si mati wanita menjerit.

[65] Seterusnya OKT telah gagal menjelaskan "Conduct" menurut s. 9 Akta Keterangan 1950 berkaitan tindakannya enggan ditahan dan bergelut dengan SP9 dan anggota-anggota serbuan sehingga menyebabkan OKT mendapat kecederaan seperti di laporan perubatan D91. Juga OKT gagal menjelaskan berkaitan keengganannya memberi spesimen tulisannya kepada SP13 untuk tujuan perbandingan dengan tulisan yang terdapat di atas kertas P18A dan P19A yang mempunyai catitan-catitan berkaitan si mati wanita dan lelaki. Pada pendapat saya, kegagalan menjelaskan "conduct" tersebut telah menghapuskan anggapan ketidakbersalahan OKT. (Rujuk kes *Parlan Dadeh v. PP* [2009] 1 CLJ 717).

[66] Berdasarkan semua keterangan ikut keadaan yang terdapat dalam kes ini adalah munasabah diputuskan bahawa OKT adalah orang yang bertanggungjawab melakukan pembunuhan tersebut (rujuk kes *PP v. Hanif Basree Abdul Rahman* [2007] 2 CLJ 33; [2007] 2 MLJ 320). Oleh itu di akhir kes pembelaan adalah menjadi penemuan spesifik mahkamah bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah terhadap OKT dan selaras dengan s. 182A(1) KTJ, mahkamah mendapati OKT bersalah dan disabitkan dengan kedua-dua pertuduhan tersebut. Menurut s. 277 KTJ, mahkamah ini memerintahkan OKT dihukum gantung di leher sampai mati bagi setiap satu pertuduhan tersebut.